

Najib Sudah Bersedia Bentang Belanjawan 2013
Bernama
27 September, 2012

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Hari yang dinanti- nantikan sudah begitu hampir dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sudahpun mempunyai ucapan Belanjawan 2013 di tangan beliau.

"..sedang meneliti ucapan Belanjawan 2013 di Kementerian Kewangan sekarang untuk dibentangkan di Parlimen, esok," katanya dalam tweet terbaharunya Khamis.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, dijadual membentangkan Belanjawan 2013 di Parlimen pukul 4 petang esok.

Persiapan sudah berterusan sejak beberapa hari lalu semasa beliau menghantar tweetnya semalam bahawa beliau berada di kementerian untuk menyediakan ucapannya.

Malam ini, Najib dijadual membuat lawatan terakhir ke Kementerian Kewangan untuk melihat persiapan terakhir bagi pembentangan belanjawan esok.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697850>